

23/06/1999

Razaleigh akan beri amanat khas

Azman Mahmood

KOTA BHARU, Selasa - Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah dijangka memberikan amanat khas kepada seluruh ahli Umno, pemimpin dan wakil rakyat Umno dan Barisan Nasional (BN) Kelantan, Khamis ini.

Majlis itu akan berlangsung di kediamannya di Palm Manor di sini, kira-kira jam 12 tengah hari dan dijangka dihadiri lebih 1,000 pemimpin dan ahli termasuk Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Annuar Musa.

Sebelum itu, semua wakil rakyat, pemimpin Umno dan BN negeri akan menyambut ketibaan Tengku Razaleigh di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa, kira-kira jam 11 pagi.

Sehubungan itu, Timbalan Ketua Penerangan Umno negeri, Datuk Mohd Rozali Isohak meminta seluruh rakyat, ahli Umno semua peringkat termasuk pemimpin dan wakil rakyat BN hadir pada majlis itu sebagai memberi sokongan padu ke arah mengembalikan kekuatan Umno Kelantan.

Katanya, pada masa sama, sokongan itu juga akan membuktikan sikap rakyat dan ahli Umno Kelantan berterima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melantik Tengku Razaleigh menggantikan beliau ke arah mengukuhkan kedudukan Umno Kelantan yang dibantu timbalannya, Datuk Annuar Musa.

"Ku Li dijangka memberi satu amanat khas kepada seluruh pemimpin dan wakil-wakil rakyat Umno dan BN Kelantan buat pertama kalinya selepas pelantikan beliau sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri di kediamannya Palm Manor, Khamis ini.

"Antara perkara mungkin disentuh beliau (Tengku Razaleigh) mengenai semangat perpaduan dan mengukuhkan jentera parti di semua peringkat untuk bergerak ke arah satu matlamat menawan Kelantan," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Berita Harian hari ini melaporkan Tengku Razaleigh akan menemui beberapa pemimpin Umno bahagian Kelantan minggu ini sebagai antara tugas pertamanya selaku Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri.

Pelantikan Tengku Razaleigh sebagai Pengerusi Perhubungan Umno Kelantan diumumkan Perdana Menteri di Kuala Lumpur semalam, selepas mengadakan mesyuarat Badan Perhubungan Umno negeri itu di kediaman Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed.

Mohd Rozali yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Dabong, berkata dengan pelantikan Tengku Razaleigh itu, ia dijangka memberi kesan kepada Pas dalam menghadapi Umno pada pilihan raya umum akan datang.

Menurut beliau, sebenarnya tidak ada sebab Umno boleh tewas kepada Pas pada pilihan raya umum kali ini jika seluruh ahli parti bersatu dengan satu matlamat merampas kembali Kelantan daripada Pas.

Ini kerana, katanya, Pas terpaksa berhadapan dengan Umno secara satu lawan satu pada pilihan raya umum akan datang dan jelas ukuran itu menunjukkan Umno mempunyai peluang untuk menang.

Menurut Mohd Razali, pada pilihan raya Umum dua penggal lalu, 1990 dan 1995, Pas berjaya menewaskan Umno di Kelantan kerana banyak bergantung kepada Parti Melayu Semangat 46 (S46), tetapi kini parti itu terpaksa mencari parti baru sebagai 'mangsa' untuk membantu mereka menghadapi Umno.

Pemerhati politik melihat Pas mungkin mendapatkan sokongan dan undi daripada Parti Keadilan Nasional (KeADILan) yang sedang mencuba nasib mencari pengaruh di Kelantan.

Mohd Rozali percaya rakyat Kelantan kini mulai merasa suatu perubahan baru ke arah merealisasikan perjuangan Umno bagi melihat negeri ini menikmati pelbagai kemajuan.

"Pada masa sama, Pas pasti berada dalam keadaan semakin tertekan berikutan pelbagai isu yang mendedahkan pelbagai kelemahannya yang sekian lama memperalatkan agama untuk kepentingan politik mereka.

"Jadi, kita (Umno) yakin kepercayaan diberikan Perdana Menteri terhadap Tengku Razaleigh mengemudi Umno Kelantan sebagai seorang banyak pengalaman dan dibantu timbalannya, Annuar sudah pasti senario baru politik akan berlaku di negeri ini," katanya.

(END)